

Pemimpin muda perlu amal kesetiaan, kejujuran, keikhlasan

UM- 17/6/2007

KUALA LUMPUR 16 Jun- Pemimpin muda hari ini perlu berpegang kepada kesetiaan, kejujuran dan keikhlasan yang juga menjadi dasar pemerintahan pemimpin terdahulu.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tiga elemen itu mampu mengangkat kualiti kepimpinan dalam mencorakkan negara pada masa akan datang.

“Legasi Tun Razak banyak berkisar kepada tiga perkara iaitu kesetiaan, kejujuran dan keikhlasan.

“Kalau kita dapat yakinkan orang ramai, kita jujur, kita setia kepada pemimpin dan parti, sudah tentu tidak ada masalah yang tidak akan dapat diatasi,” kata beliau.

Pada sidang akhbar di majlis penutup Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara di sini hari ini, beliau berkata, Perdana Menteri kedua itu telah berjaya menyelesaikan masalah negara berdasarkan kepada tiga teras tersebut.

Hishammuddin berkata, Tun Abdul Razak berjaya melalui pelbagai keadaan getir seperti peristiwa berdarah 13 Mei dan konfrontasi dengan Indonesia kerana beliau diterima oleh semua pihak berdasarkan kepada kejujuran, kesetiaan dan keikhlasan-

nya.

Beliau berkata, perkara asas tersebut tidak boleh diperolehi melalui pembacaan buku, belajar di sekolah dan juga semasa menuntut di universiti.

“Kebijaksanaan pemimpin tidak boleh dipelajari daripada buku. Ia melalui pengalaman daripada orang yang terdekat,” katanya.

Dalam pada itu, Menteri Pelajaran itu turut memuji usaha Akademi Pemuda dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak mengadakan seminar tersebut.

Katanya, ini kerana ada anak-anak Melayu yang telah lupa jasa-jasa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Tun Abdul Razak.

Menjawab soalan, beliau berkata, segala input pada seminar dua hari ini akan diketengahkan kepada mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda UMNO Isnin depan.

“Lepas ini, kita bincang di peringkat Exco Pergerakan Pemuda untuk membuat tindakan yang sewajarnya berhubung dengan seminar ini.

“Saya juga ingin cadangkan apa yang baik dalam seminar ini dipraktikkan dalam Pemuda UMNO dan Pemuda Barisan Nasional (BN),” jelasnya.